

PM mahu penguasaan bahasa Inggeris murid dipertingkat

Oleh Mohd Iskandar Ibrahim
mohd_iskandar@bh.com.my

Putrajaya: Datuk Seri Anwar Ibrahim mahu mutu penguasaan bahasa Inggeris dalam kalangan murid dipertingkatkan mulai tahun depan, manakala kedudukan bahasa Melayu dikuasai tanpa tolak ansur.

Tegas Perdana Menteri, penguasaan sekurang-kurangnya dua bahasa penting dan menjadi penekanan dalam kalangan negara maju, sekali gus semua murid, terutama di sekolah kebangsaan perlu diberi penekanan supaya penguasaan bahasa Inggeris menjadi lebih baik

berbanding sekarang.

Bagaimanapun, beliau meminta supaya tidak ada mana-mana pihak yang melihat seolah-olah kerajaan hanya memberi keutamaan kepada penguasaan bahasa antarabangsa itu dan meninggalkan bahasa Melayu.

“Kalau nak negara ini terangkat keupayaan ekonomi dan kemajuannya, bahasa Melayu mesti menjadi bahasa ilmu, bahasa utama dan dikuasai dengan baik oleh semua rakyat Malaysia, termasuk di sekolah swasta serta antarabangsa.

Nasional 3